

Headline	Rancangan tujuh tahun untuk ambil alih SESB		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	6
ArticleSize	100 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 638		



Rancangan tujuh tahun untuk ambil alih SESB

KERAJAAN Sabah merancang untuk mengambil alih Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan sedang merangka formula bagi merealisasikan rancangan itu dalam tempoh tujuh tahun dari sekarang.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata pada masa ini, Kerajaan Negeri memegang 17 peratus kepentingan dalam SESB, dengan bakinya oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Hajiji berkata, faktor utama yang menyumbang kepada masalah semasa bekalan elektrik di Sabah bukan sahaja disebabkan kekurangan kapasiti penjanaan tetapi juga peningkatan beban pengguna.

Ini dapat dilihat daripada penggunaan 900 Megawatt sehingga 1,100 Megawatt dalam setahun susulan perkembangan pesat ekonomi di Sabah, tambahnya.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri Sabah memberi tumpuan untuk memastikan Pelan Pembangunan Penjanaan Jangka Pendek dilaksanakan di landasan cepat untuk mencapai kapasiti ganji penjanaan ke tahap kukuh 30 peratus.

Katanya, ini selaras dengan Pelan Hala Tuju dan Pelan Induk Tenaga Sabah 2040 (SE-RAMP 2040) yang telah dilancarkan September lepas.

Katanya, usaha tersebut, antara lain, melibatkan penyewaan set-set jana kuasa berasaskan diesel dan melanjutkan operasi loji janakuasa berasaskan diesel sedia ada di Tawau kepada 70 Megawatt, selain menyiapkan projek Solar Skala Besar 62 Megawatt (LSS) tahun ini.